

UMS kehilangan permata sukan

OLEH JOANES ROBERT JOHN-
NY joanes@newsabah-
times.com.my

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kehilangan seorang permata sukan di Sekolah Sains Sukan institusi itu apabila seorang pensyarahnya berpindah ke universiti lain.

Penghijrahan beliau tentunya memberikan kesedihan dan kejutan kepada semua pensyarah terutamanya rakan-rakan pensyarah dan para pelajar HS20.

Perkara itu diakui sendiri oleh para pegawai dan pensyarah lain di sekolah berkenaan terutamanya yang rapat dengan beliau.

Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim bahawa beliau telah merasakan kehilangan seorang sahabat yang cukup dikenali oleh orang ramai dan telah membuatkan beliau berasa sedih kerana terpaksa berpisah dengan seorang permata yang tiada ganti.

Dr. Mohamad Nizam Nazarudin yang ditemui berkata bahawa di sebalik kejayaan demi kejayaan yang diperolehinya, Dr. Razali berpindah ke UNISZA atas sebab-sebab tertentu dipercayai berkaitan program pembangunan sukan di Terengganu.

Seorang lagi pensyarah, Pathmanathan K. Supiah berkongsi pendapat bahawa program sains sukan UMS benar-benar telah kehilangan pemimpin yang berkali-kali dalam pelbagai sudut.

Ini turut disokong oleh rakannya, Hasnol Noordin yang mahukan kecermelangan ini diteruskan dan ilmu yang dikongsi oleh Prof. Madya Dr. Razali Abdullah akan dipergunakan sebaik mungkin.

Sebagai menghargai jasa baik Prof Madya Dr Mohamad Razali Abdullah, para pelajar sains sukan telah menyediakan majlis perpisahan yang berlangsung di Hotel Courtyard 1 Borneo baru-baru ini.

Dalam ucapannya, beliau masih menaruh harapan yang tinggi kepada para pelajar sains sukan untuk terus maju ke hadapan dalam bidang yang di ceburi sama ada sebagai atlet mahupun penyelidikan.

Beliau juga meletakkan harapan agar UMS mampu menjadi sebuah pusat penyelidikan sains sukan yang lebih menonjol suatu hari nanti, kerana beliau mengetahui kekuatan beberapa pensyarah sains sukan yang ada di UMS dapat membantu beliau meneruskan perjuangan secara berterusan untuk meningkatkan sains sukan di Malaysia.

Sepanjang tahun 2012 yang lalu, Program Sains Sukan, Sekolah Pen-

didikan dan Pembangunan Sosial di UMS telah melalui tahun kegemilangan apabila telah menerima pelbagai penghargaan.

Dr. Razali telah mengetuai HiSPRT dalam berkerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan Sabah bagi memajukan sukan di negeri Sabah melalui penubuhan Unit Pemantauan Prestasi Atlet Sukma Sabah (UPPASS).

Dari segi penyelidikan, kumpulan penyelidik sukan UMS (High Performance Sport Research Team) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Abdullah telah memperoleh geran komuniti dari pihak CIMB Foundation sebanyak RM50,000 pada tahun 2011 dan RM30,000 pada tahun 2012.

Geran itu telah membantu pelaksanaan program 'Ranau - Run for Life' dimana modul dan latihan telah diberikan jurulatih-jurulatih sekolah larian jarak sederhana di daerah Ranau. Penyelidikan dan pertandingan yang dijalankan berjaya melahirkan beberapa atlet yang telah berjaya memperoleh pingat di peringkat MSSM dan Sukma.

Selain itu HiSPRT juga berjaya menerima geran penyelidikan Exploratory Research Grant Scheme (ERGS) dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berjumlah RM90,000.

Geran ERGS tersebut turut mencatat sejarah sebagai geran pertama yang diberikan kepada penyelidik sains sukan di Malaysia.

Dua geran Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) 2012 dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia turut dianugerahkan kepada dua penyelidik HiSPRT iaitu sebanyak RM80,000.

Pada awal Januari 2013 pula, dua dari tiga proposal kajian HiSPRT telah terpilih menerima Geran Skim Penyelidikan Sukan (SRGS) KPT 2012. Geran ini adalah geran penyelidikan yang paling sukar diperolehi kerana daripada hampir 500 permohonan yang diterima hanya 35 sahaja melepasi saringan kedua dan akhirnya hanya 12 terpilih ke saringan terakhir termasuklah tiga permohonan dari UMS.

Akhirnya HiSPRT berjaya menerima geran penyelidikan berjumlah RM70,000.

Dalam kategori rekacipta dan inovasi pula, HiPST yang pertama kali bertanding telah menerima 3 pingat perak dan 1 gangsa daripada 4 penyertaan dalam PEREKA 2012.

Salah satu inovasinya yang diketuai Dr. Mohamad Nizam Nazarudin telah berjaya memperoleh pingat perak di 24th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2013.



MAJLIS perpisahan Prof. Madya Dr. Razali Abdullah (tengah) yang diadakan di Hotel Courtyard 1 Borneo baru-baru ini.